



كِرَاءَانِ نِجَارِ بِنْتِ كِرَاءَانِ قِيَادِ بِنْتِ اَلْاِمْتِيَانِ

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN

05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000/ 04-774 4010

Faks : 04-774 4578/ 04-733 0910

04-774 4643/ 04-733 8717

E-mail : pbnk@kedah.gov.my

**Kedah**  
Malaysia  
where it all began

Ruj Kami : Bil (6) PBN(K)016/6/2010Jld.1

Tarikh : 03 Rabiulawal 1440H

11 November 2018M

SEMUA PEGAWAI PENGAWAL / KETUA JABATAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan,

**SURAT ARAHAN OPERASI BIL. 13/2018  
ELAUN PENANGGUNGAN KERJA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan daftar bayaran Elaun Tanggung Kerja (ETK) di Jabatan/PTJ didapati bayaran elaun berkenaan dibuat melalui Modul Pendahuluan Dan Tuntutan di bawah Tuntutan Pelbagai. Secara dasarnya Elaun Tanggung Kerja adalah sebahagian dari elaun gaji yang akan dikenakan cukai.
3. Oleh itu, pembayaran elaun penanggungan kerja **HENDAKLAH** dikunci masuk di **Modul Gaji** setelah Jabatan/PTJ mendapat kelulusan dari Bahagian Sumber Manusia (BSM), Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah.
4. Jabatan/PTJ **TIDAK DIBENARKAN** mengunci masuk elaun penanggungan kerja di Modul Pendahuluan Dan Tuntutan di bawah Tuntutan Pelbagai. Ini adalah bertujuan memastikan setiap pembayaran bagi pegawai yang menanggung kerja akan dipaparkan di dalam slip gaji bulanan bagi tujuan pengiraan Potongan Cukai Berjadual (PCB).
5. Pihak YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan adalah dipohon untuk mematuhi Arahan Operasi ini agar ianya dapat melicinkan proses bayaran gaji.

/2...



(2)

Ruj Kami : Bil ( ) PBN(K)016/6/2010Jld.1


6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh merujuk dengan Unit Emolumen di talian 04 7744605/4609. Kerjasama dan perhatian YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan amatlah dihargai.

Sekian terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KEDAH AMAN MAKMUR-HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**( NAZHATUN BT MD.REJAB, AMK., (C.A.M) )**

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri  
Kedah Darul Aman

s.k. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri  
Kedah Darul Aman